



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(102)
Tarikh: 13 FEBRUARI 2023

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

**MAJLIS GRADUASI KALI KE-68 & MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN KOKURIKULUM
SESI 2022/2023**

Dengan segala hormatnya kami merujuk perkara di atas.

02. Pihak sekolah akan mengadakan Majlis Graduasi Kali ke-68 dan Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum Sesi 2022/2023 pada **16 Februari 2023 (Khamis)**, pada jam 8 pagi dan bertempat di dewan sekolah.

03. Sehubungan dengan itu, semua murid Tahun 4, 5 dan 6 diwajibkan hadir ke sekolah seperti biasa dan menghadiri majlis tersebut. Manakala bagi murid Tahun 1, 2 dan 3 adalah tidak perlu hadir ke sekolah pada hari tersebut melainkan murid-murid yang merupakan penerima Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum sesi 2022/2023 perlu hadir ke sekolah. Semua ibubapa / penjaga murid Tahun 6 dan penerima anugerah adalah dijemput hadir ke majlis ini.

Masa Ketibaan Murid	:	Sebelum jam 7.00 pagi
Masa Mula Majlis	:	8.00 pagi
Masa Tamat Majlis	:	12.00 tengah hari
Masa Penyuraian murid	:	12.15 tengah hari

04. **PERINGATAN MESRA: Oleh kerana ruangan kawasan sekolah adalah TERHAD. Pihak sekolah amat berharap para ibu bapa / penjaga dapat memberikan kerjasama yang padu, bersabar dan bertolak ansur serta mematuhi arahan pihak sekolah agar pelaksanaan Majlis Graduasi Kali ke-68 dan Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum Sesi 2022/2023 dapat berlangsung dengan lancar.**

Sekian. Harap maklum dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

MOK SUN FU

Guru Besar
SK (C) Anglo Chinese,
Kota Kinabalu.